Sembilan individu ditahan kes tipu dalam talian

Dalam empat serbuan polis di Kedah dan Pulau Pinang

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

Sembilan individu yang terlibat dengan sindiket penipuan dalam talian ditahan oleh polis di beberapa lokasi di Kedah dan satu di Pulau Pinang pada Khamis.

Ketua Polis Kedah, Komisioner Wan Hassan Wan Ahmad berkata, tangkapan dilakukan dalam empat serbuan yang dilakukan serentak dan berjaya menahan lapan lelaki dan seorang wanita pada jam 1.15 petang.

Menurut beliau, polis merampas barangan termasuk dua komputer riba, 21 telefon bimbit, tiga kenderaan, 18 buku catatan, empat dokumen, tiga kad kredit pelbagai bank dan wang tunai sebanyak RM14,100.

"Sepasukan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah telah berjaya menahan kesemua suspek berusia antara 19 hingga 51 tahun.

"Siasatan awal mendapati semua tertuduh terlibat dengan kegiatan penipuan dalam talian sejak setahun lalu dengan menyamar sebagai pegawai agensi kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)," katanya.

Wan Hassan ketika sidang akhbar di Alor Setar pada Ahad menunjukkan dua gambar suspek yang disyaki terlibat dalam kes penipuan dalam talian.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kedah di sini pada Ahad.

Wan Hassan memberitahu, hasil siasatan awal mendapati kesemua suspek merupakan anggota kumpulan 'Melayu Yong' dan 'India Yong'.

Tambah beliau, polis sedang mengesan dua lagi suspek lelaki berumur 38 dan 41 tahun.

"Reman terhadap semua suspek yang ditahan telah disambung sehingga 25 Januari dan dua kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," jelasnya.

Dalam pada itu, Wan Hassan berkata, kadar kes jenayah komersial di negeri ini bagi tempoh Januari hingga Disember tahun lalu sebanyak 1,881 kes berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 iaitu 1,125 yang menunjukkan penambahan sebanyak 756 kes.

Daripada jumlah itu, jelasnya, sebanyak 90 peratus melibatkan kes penipuan belian atas talian, *Macau Scam*, pinjaman wang tidak wujud, pelaburan tidak wujud dan *Love Scam*.

"Jumlah kerugian pada tahun 2021 pula mencatatkan peningkatan iaitu lebih RM28 juta berbanding RM17 juta pada 2020," katanya.